



**Lelaki  
dilaporkan  
hilang ditemui  
mati di kebun**

Sri Aman: Seorang lelaki, Indit Entingi, 66, yang dilaporkan hilang ketika pergi ke kebunnya di Pulau Cina di sini, sejak kelmarin ditemui mati di sekitar kawasan kebun, semalam.

04-04-2016

# Wanita paling ramai derita kanser

■ Barah jadi punca keempat kematian di hospital kerajaan



DR HILMI

**Syazwan Msar**

mohdsyazwan@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan kira-kira 19,000 daripada 100,000 rakyat di negara ini menghidap kanser dengan wanita antara yang paling ramai menghidap penyakit terbabit.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata, statistik menunjukkan 10,240 wanita daripada 19,000 rakyat Malaysia menghi-

dap kanser.

Beliau berkata, KKM giat melaksanakan pelbagai kempen dan program kesedaran dalam usaha memastikan orang ramai melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mengesan penyakit itu.

“Kita juga dapati terdapat lima kanser paling kerap menyerang rakyat negara ini iaitu payudara iaitu 14.5 peratus, usus (12.1 peratus), paru-paru (11.8 peratus), pangkal Rahim (5.7 peratus) dan kerongkong (5.4 peratus).

“Statistik juga menunjukkan kanser adalah penyakit keempat tertinggi penyebab kematian di hospital kerajaan,” katanya, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian

“

**Statistik menunjukkan kanser penyakit keempat tertinggi penyebab kematian”**

*Dr Hilmi Yahaya*

selepas melancarkan Projek Kesedaran, Saringan dan Rawatan Kanser Usus, di Dataran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Tun Razak, di sini, semalam.

Projek berkenaan antara inisiatif badan bukan kerajaan (NGO) EMPOWERED dengan kerjasama KKM memberi penerangan kepada orang ramai untuk membuat pemeriksaan awal bagi mengesan kanser.

**PESAKIT KANSER NISBAH 100,000 PENDUDUK DI MALAYSIA MENGIKUT KAUM DAN JANTINA**

*info*

Lelaki Melayu .....	<b>4,058</b>
Wanita Melayu .....	<b>4,753</b>
Lelaki Cina .....	<b>4,078</b>
Wanita Cina .....	<b>4,753</b>
Lelaki India .....	<b>629</b>
Wanita India .....	<b>1,065</b>
Pesakit menghidap kanser tahap 4 .....	<b>32%</b>
Pesakit menghidap kanser tahap 3 .....	<b>31%</b>
Pesakit menghidap kanser tahap 2 .....	<b>28%</b>
Pesakit menghidap kanser tahap 1 .....	<b>9%</b>

Sementara itu, Dr Hilmi berkata, kurang kesedaran orang ramai mengenai pemeriksaan kesihatan secara berkala menyebabkan penyakit terbabit sukar dirawat apabila sudah mencapai tahap kritikal.

“Pengesanan penyakit terbabit pada peringkat awal boleh memudahkan proses rawatan, malah pelbagai kemudahan pemeriksaan kesihatan mampu mengesan kanser,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, kos untuk merawat kanser terlalu tinggi mencecah puluhan ribu tinggi, namun kerajaan menanggung segala perbelanjaan itu demi memastikan rakyat bebas daripada penyakit berkenaan.